KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)

# SISTEM MALAYSIA FRANCHISE EXPRESS (MYFEX) 2.0

---

# MANUAL PENGGUNA

# LAPORAN WANG PROMOSI

Hakcipta terpelihara Kerajaan Malaysia

# KETERANGAN DOKUMEN

Dokumen ini merupakan **Manual Pengguna Laporan Wang Promosi** bagi Sistem Malaysia Francais Express (MyFEX) 2.0 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Manual pengguna ini menerangkan cara-cara untuk menghantar laporan wang promosi berkenaan perniagaan francais, atau sebarang masalah berkaitan francais sahaja.

# VERSI PINDAAN

| Versi | Tarikh | Ringkasan Perubahan |
|---|---|---|
| 1.0 | 02/07/2025 | Kemaskini pada kandungan. |

# ISI KANDUNGAN

KETERANGAN DOKUMEN ....... I

ISI KANDUNGAN ....... III

1. PENGENALAN ....... 1

1.1 Objektif ....... 1

1.2 Skop ....... 1

1.3 Pengenalan kepada Sistem MyFEX ....... 1

2. LOG MASUK SISTEM ....... 2

3. MENGHANTAR LAPORAN WANG PROMOSI BAHARU ....... 4

3. MAKLUM BALAS KUIRI LAPORAN WANG PROMOSI ....... 7

4. LAPORAN WANG PROMOSI DITERIMA ....... 10

# 1. Pengenalan

## 1.1 Objektif

Objektif utama manual pengguna ini dibangunkan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan bagi pengguna untuk menggunakan laman sesawang ***MyFEX*** bagi aktiviti berkaitan pendaftaran perniagaan francais.

Setiap proses pendaftaran francaisor dalam sesawang ***MyFEX*** akan dijelaskan secara terperinci di dalam manual pengguna ini bagi membantu pengguna memahami langkah-langkah yang diperlu dilakukan.

Dokumen manual pengguna ini juga akan digunakan sebagai rujukan semasa aktiviti latihan pengguna dijalankan.

## 1.2 Skop

Skop manual pengguna ini merangkumi fungsi-fungsi modul dalam MyFEX yang melibatkan pendaftaran pihak francaisor yang diguna pakai oleh pihak syarikat industri perniagaan francais.

Fungsi-fungsi yang terkandung dalam manual pengguna ini melibatkan fungsi bisnes seperti berikut:

a. Log Masuk Sistem
b. Menghantar Laporan Wang Promosi Baharu
c. Maklum Balas Kuiri Laporan Wang Promosi
d. Laporan Wang Promosi Diterima

## 1.3 Pengenalan kepada Sistem MyFEX

Portal MyFEX mengandungi urusan pendaftaran perniagaan bagi pihak francaisor dan francaisi, pendaftaran konsultan dan juga pendaftaran broker. Ia merupakan laman sesawang untuk memudahkan proses memulakan perniagaan francais di Malaysia. Pengguna utama kepada sistem Portal MyFEX 2.0 ini adalah komuniti industri perniagaan francais dan agensi Kerajaan seperti berikut:

a) **Komuniti industri perniagaan francais** iaitu pihak syarikat francaisor termasuk individu/syarikat pihak konsultan dan juga pihak broker yang terlibat berkaitan dengan pendaftaran perniagaan francais; dan.

b) **Agensi Kerajaan** pula dapat memberi informasi berkenaan prosedur perniagaan dan memantau perkembangan aktiviti perniagaan yang berdaftar dengan pihak Kerajaan.

Setiap pengguna samada komuniti perniagaan dan agensi Kerajaan perlu mendaftar sebagai pengguna yang sah bagi berinteraksi dengan perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan di portal sistem MyFEX.

## 2. Log Masuk Sistem

Pengguna sistem seperti pengguna industri francais iaitu pihak syarikat francaisor yang telah berdaftar dan aktif boleh menghantar Laporan Wang Promosi Francais melalui sistem MyFEX.

1. Klik pada **LOG MASUK** seperti pada Rajah 2.3.
2. Pemilik akaun masukkan maklumat seperti Rajah 2.4 pada ruangan E-MEL dan KATA LALUAN dan klik **Log Masuk**.




Rajah 2.1 : Paparan antaramuka laman utama sistem MyFEX




Rajah 2.2: Paparan antaramuka Log Masuk sistem

3. Setelah berjaya log masuk, laman utama bagi akaun pengguna dari komuniti industri francais dipaparkan rujuk rajah 2.6.




Rajah 2.3 : Paparan antaramuka laman utama pengguna industri francais

## 3. Menghantar Laporan Wang Promosi Baharu

Kategori pengguna yang boleh menghantar Laporan Wang Promosi, iaitu pengguna daripada kategori industri francais iaitu pihak francaisor. Kategori pengguna yang boleh menghantar Laporan Tahunan Perniagaan Francais, iaitu pengguna daripada kategori industri francais iaitu pihak francaisor. Laporan Wang Promosi ini adalah untuk pihak francaisor mengisi maklumat berkaitan wang promosi francais mereka dalam sistem MyFEX. Laporan ini perlu dihantar **30 hari dari Tarikh Tahun Kewangan Berakhir** yang telah diisi oleh pemohon semasa membuat permohonan francais. Pihak francaisor akan mendapat peringatan untuk menghantar wang promosi ini.

1. Pada laman utama klik menu **Francaisor>Senarai Pendaftaran** seperti berikut.




2. Laman senarai pendaftaran franaisor dipaparkan. Klik butang **Laporan Wang Promosi** di Tindakan.




3. Laman Laporan Wang Promosi dipaparkan. Isikan Tahun dan Muat Naik Laporan Kewangan Kumpulan Wang Promosi Tahun Semasa mengikut template yang disediakan. Setelah selesai, klik **Seterusnya**.



LAPORAN WANG PROMOSI

Laman Utama / Laporan Wang Promosi

1. Maklumat Wang Promosi | 2. Pengisytiharan

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemegang Pendaftaran | | | |
| No Pendaftaran Entiti Perniagaan | | Tarikh Daftar Entiti Perniagaan | 21/06/2021 |
| No. Pendaftaran Francais | | Jenis Pihak Francaisor | Francaisor Tempatan |
| Jenama Francais | Montivo | | |
| Tahun | | | |
| Laporan Kewangan Kumpulan Wang Promosi Tahun Semasa * | Laporan Kewangan Kumpulan Wang Promosi Tahun Semasa<br>Choose File No file chosen<br>• Sila pilih fail jenis PDF sahaja.<br>• Saiz maksimum untuk setiap fail adalah 5MB.<br>• Maksima 1 fail sahaja.<br>• Sila gunakan templat Dokumen **Laporan Kewangan Kumpulan Wang Promosi** yang disediakan. | | |

Seterusnya

4. Buat Pengisytiharan dan klik butang **Hantar**.



1. Maklumat Laporan | 2. Pengisytiharan

PENGISYTIHARAN PENYERAHAN LAPORAN WANG PROMOSI FRANCAIS

☐ Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah **BENAR** dan kenyataan-kenyataan adalah betul dan saya sedar adalah menjadi suatu kesalahan di bawah **Akta Francais 1998 (Pindaan) 2020** jika maklumat-maklumat yang diberikan itu adalah palsu.

| | |
|---|---|
| Nama Pemegang Pendaftaran | |
| No. Entiti Perniagaan | |
| No. Pendaftaran Francais | FS/00010/2025 |

Sebelum Hantar

5. Laman penerimaan Laporan Wang Promosi dipaparkan.



PENYERAHAN LAPORAN WANG PROMOSI

Laman Utama / Penyerahan

PENERIMAAN LAPORAN WANG PROMOSI

Maklumat Laporan Wang Promosi anda telah diterima oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

| | |
|---|---|
| Jenis Laporan | Laporan Wang promosi |
| No. Rujukan | MFE/AP/00002/2025 |
| Nama | |
| No. Entiti Perniagaan | |
| No. Pendaftaran | FS/00010/2025 |
| Tarikh Penyerahan | 10/08/2025 |

Klik pada link berikut untuk kembali ke Senarai Laporan Wang Promosi.

## 3. Maklum Balas Kuiri Laporan Wang Promosi

Pemohon boleh menggunakan fungsi **Kuiri Laporan Wang Promosi** untuk memberi maklum balas terhadap sebarang kuiri daripada pihak pegawai. Sistem akan memaparkan status kuiri supaya pemohon dapat melihat dengan jelas jika terdapat kuiri yang perlu ditindak balas

1. Pengguna akan menerima e-mel berkaitan kuiri laporan wang promosi.
2. Pengguna klik menu Francaisor > **Wang Promosi** seperti berikut.




3. Laman Senarai Laporan Wang Promosi Francais dipaparkan. Lihat pada permohonan di ruangan status yang tertera sebagai **kuiri** dan klik **Lihat.**




4. Slaid kebawah pada bahagian Senarai Kuiri dan pengguna boleh klik untuk menjawab kuiri yang dihantar.




5. Jawan kuiri pada ruangan yang disediakan dan klik butang **Balas Dan Kemaskini Permohonan**.




6. Pengguna kemaskini maklumat laporan berdasarkan kuiri yang diterima. Klik **Seterusnya** untuk ke bahagian seterusnya.




7. Setelah selesai membuat kemaskini kuiri. Pengguna membuat Pengisytiharan serta klik **Hantar**.




8. Pengguna klik **OK** menunjukkan maklum balas kuiri berjaya dihantar untuk meneruskan semakan pegawai. Halaman akan kembali pada laman Maklumat Laporan Wang Promosi Francais.




9. Di halaman Laman Utama, status permohonan akan dikemas kini kepada "Maklum Balas Kuiri" selepas pengguna mengemaskini permohonan yang dikuiri.




## 4. Laporan Wang Promosi Diterima

Fungsi ini akan memaparkan status **'Diterima'** apabila permohonan telah disemak dan diluluskan oleh pihak pegawai. Status ini menunjukkan bahawa permohonan telah berjaya diterima dan pemohon juga boleh melihat maklumat wang promosi tersebut di dalam sistem.

1. Pada Laman Utama klik menu **Francaisor> Wang Promosi** seperti berikut.




2. Laman Senarai Laporan Wang Promosi dipaparkan. Lihat pada ruangan Status Penyerahan Laporan yang tertera sebagai **Diterima.** Klik butang **Lihat** untuk melihat maklumat laporan.



3. Maklumat Laporan Wang Promosi yang diterima serta senarai kuiri (jika ada) dipaparkan.



LAPORAN WANG PROMOSI FRANCAIS

Laman Utama / Laporan Wang Promosi Francais

MAKLUMAT LAPORAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| No. Rujukan Laporan | MFE/AP/00001/2025 | | |
| Tarikh Penyerahan Laporan | 17/07/2025 | | |
| Status | Diterima | | |
| Nama Pemegang Pendaftaran | | | |
| No Pendaftaran Entiti Perniagaan | | Tarikh Daftar Entiti Perniagaan | 16/06/2015 |
| No. Pendaftaran Francais | FS/00022/2025 | Jenis Pihak Francaisor | Francaisor Tempatan |
| Jenama Francais | SUS COFFEE | | |
| Laporan Wang Promosi | Laporan Wang Promosi.pdf | | |

SENARAI KUIRI

Tunjuk 10 kemasukan

Carian :

| No. | Pertanyaan | Ditanya Pada | Maklum Balas | Dibalas Pada | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | • lengkapkan maklumat A&P | 17/07/2025 | ambil maklum | 17/07/2025 | |

Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan

Sebelumnya 1 Seterusnya